



13 APR, 2026

TNB MHL 2026 medan terbaik nilai prestasi pemain

Harian Metro, Malaysia



TNB MHL 2026 medan terbaik nilai prestasi pemain

Kuala Lumpur: TNB Liga Hoki Malaysia (TNB MHL) 2026 yang membuka tirai secara rasmi, kelmarin, dilihat medan terbaik untuk menilai prestasi pemain dengan perubahan dalam skuad kebangsaan dijangka berlaku sebaik liga berakhir pada Mei depan.

Ketua jurulatih negara, Brendon Carolan mengesahkan semua pemain berada dalam pemantauan rapi dan peluang masih terbuka luas untuk merebut tempat dalam skuad

kebangsaan.

Menurutnya, barisan kejurulatihan sudah merangka program latihan seimbang antara komitmen bersama kelab dan tugas bersama pasukan negara sepanjang berlangsungnya liga.

Katanya, pemain kebangsaan akan dikumpulkan setiap Isnin di Institut Sukan Negara (ISN) bagi menjalani sesi pemulihan termasuk pemeriksaan perubatan dan latihan gimnasium selepas mengha-

rungi perlawanan hujung minggu.

“Pada Selasa dan Rabu, mereka akan berlatih bersama kami dengan fokus kepada aspek yang perlu diperbaiki sebelum dilepaskan semula kepada kelab masing-masing pada Khamis.

“Pendekatan itu penting bagi memastikan pemain kekal berada pada tahap terbaik tanpa menjejaskan komitmen bersama kelab,” katanya.

Pada masa sama, Carolan turut menggunakan tekno-

logi analisis video bagi memantau prestasi pemain sepanjang saingan liga.

Menurutnya, setiap pemain turut menjalani satu sesi gimnasium berpusat setiap minggu selain satu lagi sesi yang dikendalikan bersama kelab mengikut program ditetapkan.

Katanya, semua pemain mempunyai peluang sama rata untuk dipilih menyertai skuad kebangsaan selepas April dengan perubahan dijangka berlaku menjelang Mei.